

Bah

Parlimen - Wawasan

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) akan meneruskan usaha membangunkan negara walaupun parti pembangkang menyebarkan dakwah terhadap BN.

Perdana Menteri memberitahu persidangan Dewan Rakyat hari ini bahawa berdasarkan pegangan itu kerajaan menganjurkan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju bagi memberi peluang kepada rakyat hidup lebih bahagia, mampu mempertahankan maruah bangsa dan menghindarkan daripada ditindas oleh bangsa lain.

+Wawasan 2020 bukan untuk BN tetapi untuk Malaysia dan rakyat negara ini,+ katanya ketika menjawab pertanyaan daripada Encik Ahmad Nor (DAP-Bayan Baru), yang antara lain ingin tahu sama ada waswasan tersebut merupakan matlamat negara atau strategi politik BN untuk mengekalkan kuasa.

Katanya, BN tidak mahu bersikap tamak, dan menambah kata,+Kerajaan BN tidak merancang kerana kepentingan diri. Kita merancang dan kita laksanakan rancangan ini kerana ini adalah tugas kita sebagai kerajaan+.

Perdana Menteri berkata, kerajaan BN kecewa dengan reaksi negatif sesetengah rakyat terhadap usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk kebaikan mereka. -- lagi

♥17/06/16-13MST

CNS8813

R GB 17-06 00151 BB504

Bah

Parlimen - Wawasan 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, walaupun Malaysia telah mengorak langkah dalam bidang perindustrian, masih banyak yang perlu dicapai memandangkan apa yang dilakukan sebelum ini hanya merupakan asas untuk terus maju.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa Wawasan 2020 tidak bertentangan dengan Islam kerana ia akan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan ajaran Islam.

+Yang penting ialah amalan nilai-nilai Islam dan bukan dakwaan tentang ke-Islaman wawasan ini,+ katanya, dan menambah kata bahawa kerajaan BN mengutamakan amalan ajaran Islam dan bukan perkataan Islam dalam rancangannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengakui memang terdapat kelemahan dalam rancangan manusia, dan rancangan kerajaan BN juga diatur oleh manusia.

Beliau membidas golongan yang tidak mahu mengakui bahawa kejayaan yang dicapai setakat ini banyak memberi manfaat kepada mereka sendiri dan menambah kata, mereka adalah golongan yang tidak tahu bersyukur dengan nikmat yang diterima. -- lagi

♥17/06/16-14MST

CNS8814

R GB 17-06 00106 BB505

Bah

Parlimen - Wawasan 3 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan tambahan daripada Haji Hadi Awang (PAS-Marang), Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi keutamaan kepada kemajuan yang tidak bertentangan dengan Islam.

Bagaimanapun, katanya, jika yang dimaksudkan dengan negara Islam ialah perlaksanaan hukum Hudud, ini bermakna tidak ada negara Islam di dunia sekarang.

Ketika menjawab soalan tambahan daripada Encik Ahmad, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat memberi jaminan apa yang akan berlaku dalam tempoh 30 tahun akan datang.

+Tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju,+ tambah beliau. -- Bernama